

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

Perlu khidmat perubatan ketika kecemasan, tarik kedatangan pelancong

## Bina hospital di Pengerang

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** – Kerajaan Persekutuan akan mengkaji cadangan pembinaan hospital di Parlimen Pengerang yang dilihat menjadi keperluan ekoran pesatnya pembangunan kawasan tersebut.

Ahli Parlimen Pengerang, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, perkara itu telah diajukan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mendapat respon yang baik.

"Kawasan Parlimen saya ini terbahagi antara industri minyak dan gas, Rapid dengan Dialog, dengan industri pelancongan iaitu Desaru Coast. Jadi tiga industri yang terkenal di peringkat antarabangsa.

"Jadi itu sebabnya saya sudah sebut kepada perdana menteri perlunya satu hospital kerajaan di sini. Paling dekat Hospital Kota Tinggi yang jaraknya 50 kilome-



AZALINA

ter," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pengerang di Dataran Tasik Bandar Penawar di sini kelmarin.

Menurut Azalina, sejak kebelakangan ini, terdapat banyak laporan kematian terutama di Lebuhraya Desaru-Senai dan sebab itu hospital diperlukan.

Tambahnya, pelancongan antarabangsa di Desaru Coast juga mungkin akan suram sekiranya kedudukan hospital terlalu jauh. "Pelancong mungkin

was-was hendak pergi sini. Perdana menteri pun faham isu itu dan secara prinsip beliau pun bersetuju," katanya.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkata, perbincangan lanjut perlu dilakukan termasuklah mengambil kira elemen kos.

"Kalau kita tengok projek, gas dan minyak, Rapid dan Di-



HOSPITAL perlu dibina di kawasan Pengerang bagi menarik kedatangan pelancong dan bersiap sedia untuk hal kecemasan. – GAMBAR HIASAN

alog juga kadang-kadang kita takut apa-apa berlaku kecemasan. Memang mereka ada kemampuan untuk bawa ke hos-

pital swasta tetapi jaraknya jauh," katanya.

Ujar Azalina, jika tidak dapat bina hospital, sekurang-kurangnya

boleh diwujudkan pusat kecemasan kemalangan bagi memberikan rawatan kepada mangsa nahas.

## Tepung masih selamat dimakan

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan penggunaan benzoil peroksida dalam makanan terutamanya tepung di Malaysia dan luar negara dinilai sebagai selamat untuk dimakan.

Penggunaan bahan itu diperakukan oleh badan penilai antarabangsa iaitu Joint FAO/WHO Expert Committee on Food Additives.

"Penggunaan benzoil peroksida sebagai kondisioner makanan dalam tepung juga dibenarkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 pada kadar tidak melebihi 50mg/kg.

"Codex Alimentarius Commission juga membenarkan penggunaan benzoil peroksida di dalam tepung pada kadar ditetapkan," katanya.

Menurut KKM, pihaknya akan mengambil tindakan jika terdapat bukti penggunaan bahan berbahaya di dalam makanan.

Sebelum ini tular di media sosial berkaitan penggunaan benzoil peroksida dalam tepung gandum yang didakwa boleh menjejaskan kesihatan.

KKM menegaskan setakat ini tiada mana-mana jenama tepung di pasaran yang mengandungi benzoil peroksida melebihi paras yang dibenarkan.



KKM mengesahkan kandungan benzoil peroksida di dalam tepung masih selamat untuk dimakan. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kerajaan tambah pakar di Hospital Kuala Kubu Baharu

### **KUALA KUBU BAHARU:**

Hospital Kuala Kubu Baharu bakal menerima fasiliti dan pakar baharu selepas tinjauan dilakukan oleh Menteri Kesihatan hari ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, sesi libat urus diadakan bersama pihak hospital dan ada perancangan untuk pemulihan dan perkukuhkan projek-projek kesihatan baharu.

"Rancangan selepas tinjauan adalah untuk menekankan kepentingan transformasi digital dan pemerksaan fasiliti kesihatan sebagai aspek penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

"Tidak lupa juga kepada penumpuan kepada fasiliti hospital yang mana pesakit tidak selesa kerana tidak mempunyai ruang menunggu yang cukup di hospital Kuala Kubu Baharu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, bermula Januari tahun ini, seorang pakar perubatan am telah bekerja di hospital ini dan bulan Mei nanti akan bertambah seorang lagi pakar perubatan kecemasan dan akan ada pertambahan berterusan untuk tahun ini.

Sementara itu, Dzulkefly berkata, ada penambahan pakar tetap di hospital tersebut termasuk pakar kecemasan, nephrologi dan perubatan dalaman.

"Dengan kehadiran pakar-pakar, masyarakat bertambah yakin untuk mendapatkan rawatan di hospital ini.

"Tidak perlu bergerak jauh ke Hospital Selayang kerana Hospital Kuala Kubu Baharu akan mempunyai pakar," katanya.

Beliau menjelaskan, peningkatan jumlah pesakit yang datang mendapatkan rawatan di hospital tersebut adalah petanda positif yang menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kesihatan yang disediakan.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 29  
RUANGAN : NASIONAL

# Tepung gandum dijual di pasaran tempatan selamat dimakan - KKM

Benzoil peroksida tidak melebihi paras dibenarkan FAO

PUTRAJAYA

Tiada jenama tepung gandum di pasaran tempatan dikesan mengandungi benzoil peroksida melebihi paras dibenarkan di bawah undang-undang.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 membenarkan penggunaan bahan penyesuai makanan itu di bawah aditif makanan dalam tepung pada kadar tidak melebihi 50 miligram/kilogram (mg/kg).



Tiada tepung dikesan mengandungi benzoil peroksida melebihi kadar dibenarkan di pasaran tempatan. - Gambar hiasan

"Suruhanjaya Codex Alimentarius (CAC) iaitu badan antarabangsa ditubuhkan di bawah Program Standard Makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) membenarkan penggunaan benzoil peroksida dalam tepung gandum pada kadar tidak melebihi 60 mg/kg.

"Dalam hal ini, penggunaan bahan itu sudah dinilai dan disahkan selamat untuk digunakan dalam makanan dalam jumlah tertentu oleh badan penilai antarabangsa iaitu Jawatankuasa Pakar Mengenai Bahan Tambah Makanan (JECFA)," katanya menerusi satu kenyataan dikeluarkan pada Sabtu.

Menurut KKM, pihaknya mengambil maklum isu ditularkan semula di media sosial berkaitan penggunaan benzoil peroksida dalam tepung gandum yang didakwa boleh menjejaskan kesihatan.

Menurut KKM, perkara itu telah dijelaskan dalam dua

kenyataan media dikeluarkan sebelum ini bagi mengelakkan kekeliruan awam.

"Kenyataan ini turut menyebut KKM sentiasa bersedia dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat bukti saintifik terkini daripada badan antarabangsa seperti Codex dan JECFA yang membuktikan mana-mana bahan makanan adalah berbahaya kepada kesihatan.

"KKM juga sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap pelbagai jenama tepung di pasaran bagi memastikan kandungan benzoil peroksida dalam kadar dibenarkan," katanya.

Katanya, kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap sebarang perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna. - *Bernama*

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NATION / NEWS

## RABIES OUTBREAK

# Door-to-door campaign in Sarawak to vaccinate dogs

**KUCHING:** Sarawak health officials will go door-to-door to vaccinate dogs against rabies, particularly in communities where many cases of the disease have been reported.

The Sarawak Disaster Management Committee said the exercise will begin in several areas here from Monday to May 3.

These areas include Tabuan Jaya, Taman Landeh, Desa Wira, and Sungai Maong Tengah.

The vaccination exercise will involve various agencies, government departments and local councils, as part of Sarawak's aim to ensure zero-rabies by 2030.

Since 2017, Sarawak had seen several outbreaks of rabies, with 78 cases involving humans recorded.

Since then, the disease has claimed a total of 71 lives.

In that time, some 213,190 dogs out of the estimated 300,000 across the state have been vaccinated.

Up to April 19, the Kuching, Samarahan, Serian, Bintulu and Sri Aman divisions have been declared as rabies-infected areas.

The committee said aside from vaccinating pets, the authorities would also conduct campaigns to raise public awareness about rabies and the importance of licensing pets to ensure they are disease-free.